



Jeti Sungai Kampung Dusun ini sering menjadi lokasi anak tuntung dari Pusat Konservasi Hidupan Liar di Bukit Paloh, dilepaskan kembali ke habitat asal.



Telur tuntung berbentuk bujur panjang berbanding telur penyu berbentuk bulat.

Pusat Konservasi Hidupan Liar di Bukit Paloh, Kampung Dusun untuk penetasan, pembiakan, pemuliharaan serta perkara lain berkaitan tuntung.

Temir saksi tuntung bertelur

Kampung Temir jadi tumpuan komuniti yang teruja melihat aksi tuntung

NOOR HAYATI MAMAT

KAMPUNG TEMIR

Menyebut mengenai tuntung, pasti ada yang tidak begitu mengenali haiwan ini berbanding penyu, kura-kura atau labi-labi. Walaupun tuntung sungai atau nama saintifiknya *batagur baska* kurang dikenali, namun haiwan yang boleh hidup anggaran umur 70 hingga 80 tahun ini turut berperanan penting dalam menjaga ekosistem sungai. Ketibaan musim tuntung bertelur adalah antara November hingga Feb-

ruari, namun difahamkan bagi tempoh Mac dan April adalah bulan paling aktif ibu tuntung bertelur dan bagi daerah ini, lokasi kebiasaannya di Kampung Temir serta Lubuk Kawah, Kampung Sungai Ular. Dek kerana itulah, kawasan pasir sungai di Kampung Temir seringkali jadi tumpuan komuniti bagi melihat sendiri tuntung bertelur meskipun ada yang pulang hampa kerana melihat situasi itu tidak semudah disangka. Bagaimanapun harus diingat, tuntung dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 2010, bermakna haiwan ini tidak boleh ditangkap, dimakan, dijual beli telurnya, sarangnya tidak boleh dirosakkan dan sekiranya kita ingin tuntung teruskan kehidupannya dalam alam semula jadi, habitatnya tidak boleh diganggu.

Temir meriah di musim bertelur

Berkongsi cerita, seorang penduduk Kampung Temir, Siti Khadijah Ismail, 53, berkata, kawasan pasir sepanjang kira-kira dua kilometer pasti dimeriahkan kehadiran komuniti apabila tiba musim tuntung bertelur. Jelasnya, pasir Temir memang dikenali sebagai tempat ibu tuntung bertelur sejak dulu lagi dan suatu ketika dahulu, orang kampung sanggup bersenggang mata mencari telur tuntung untuk dijual sebagai rezeki tambahan. "Setelah penguatkuasaan tuntung sebagai haiwan dilindungi, pencari telur tuntung tidak lagi ramai seperti dahulu dan mereka mencari di lokasi

selain kawasan diwartakan Jabatan Perhilitan. "Bagi pasir Temir ini boleh dikatakan ada dua lokasi, satu kawasan orang kampung dan satu lagi telah dilindungi atau diwartakan. Suasana meriah tetap dirasakan kerana komuniti datang lihat tuntung bertelur. "Kalau bernasib baik ada rezeki tengok ibu tuntung bertelur, jika tidak balik begitu sajalah, lagipun menunggu ibu naik perlukan kesabaran. Ibu tuntung juga sensitif cahaya, ia boleh masuk ke sungai semula tanpa bertelur jika cahaya terlalu terdedah," katanya kepada *Sinar Harian*. Seorang penduduk Padang Setenge, Mariam Endut, 45, berkata, dia bernasib baik apabila buat pertama kalinya berpeluang menyaksikan tuntung bertelur dua minggu lepas. "Tentunya teruja kerana sekian lama hendak lihat sendiri tuntung bertelur. Walaupun lihat dari jauh, kelibatnya sahaja, namun ia cukup mengembirakan. Lagipun kita tidak boleh ganggu tuntung sedang bertelur. "Kalau penyu telurnya berbentuk bulat, telur tuntung pula agak bujur panjang dan sekali lihat seperti telur itik. Saya tidak pernah makan lagi telur tuntung tetapi daripada cerita orang kampung mereka beritahu rasanya sedap," ujarnya.

Bunga dedap beri petanda

Mariam berkata, berdasarkan mitos orang tua dulu-dulu, bunga dedap yang menjadi dikatakan petanda ibu tuntung naik bertelur di kawasan itu. "Bunga dedap ini warna merah, cantik tetapi tidak berbau. Ikut cerita orang lama, jika pokoknya dipenuhi

INFO

- Tuntung tergolong dalam kumpulan reptilia seperti penyu, labi-labi dan kura-kura.
- Habitat utamanya adalah di perairan air payau.
- Tuntung boleh hidup hingga mencecah umur 70-80 tahun. Terdapat juga rekod yang mencatatkan tuntung mampu hidup sehingga berumur 100 tahun.
- Tuntung betina lebih besar daripada jantan iaitu sehingga 50cm berbanding tuntung jantan yang boleh membesar lebih kurang 40cm mengikut karapas.
- Tuntung berbeza dengan penyu kerana mempunyai kaki renang yang berkuku seperti kura-kura membolehkannya berjalan di atas tanah atau pasir untuk bertelur.
- Tuntung mempunyai kepala yang kecil dan boleh disembunyikan di dalam karapasnya apabila diganggu.
- Anak tuntung biasanya mempunyai lunas vertebra (lunas tulang belakang) yang lebih menonjol di balik karapasnya berbanding tuntung dewasa.
- Tuntung khususnya anak tuntung amat mudah diancam oleh haiwan pemangsa seperti biawak, buaya sungai dan memerang.

(Sumber Wikipedia)



Siti Khadijah (dua, kanan) sewaktu menemani kenalannya melihat tuntung di pasir Temir di Kampung Temir.

bunga dedap pasti ada tuntung bertelur nanti, namun sejauh mana kebenaran tidak dapat dipastikan," ujarnya. Untuk info, telur tuntung yang dikutip dari lokasi diwartakan akan dibawa ke Pusat Konservasi Hidupan Liar di Bukit Paloh, Kampung Dusun untuk penetasan, pembiakan, pemuliharaan serta perkara lain berkaitan.